

177 sertai Program Selangkah Ke Menara Gading



SERAMAI 177 pelajar dari 14 buah sekolah terpilih menyertai Program Selangkah Ke Menara Gading (Semega) 2016 yang dilaksanakan dengan jayanya selama tiga hari dua malam pada 19 – 21 Ogos 2016.

Pelbagai aktiviti dijalankan, antaranya ceramah motivasi yang disampaikan oleh penceramah Rusdi Rusli dari Smart Method



ANTARA aktiviti yang diadakan dalam program itu.

Consultancy dan ceramah kepimpinan yang disampaikan oleh Masri Judah dari MJRJ Consultancy.

Antara pengisian lain adalah seperti Latihan Dalam Kumpulan, Riadah, Eksplorasi, Malam Bakat, Refleksi Diri dan pelbagai lagi. Pelajar juga dibawa melawat beberapa tempat di sekitar UMS seperti Akuarium dan Muzium Marin UMS, Muzium UMS, Dewan Canselor, Muzium Perubatan Ibnu Sina dan Perpustakaan.

Perasmian penutupan yang diadakan di Dewan Kuliah Pusat 2 disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datu Rosmadi Datu Sulai, mewakili 1 Exco Pendidikan Sabah.

Turut hadir Timbalan

Pengarah Pendidikan Sabah Datuk Dr. Hj Kassim bin Hj Mohd Ibrahim merangkap Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah. Wakil TNC HEPA UMS ialah Azmi Jumat.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr. Harun Abdullah berkata, dengan pelaksanaan program ini secara tidak langsung dapat dijadikan medium oleh pihak UMS dalam penyuluhan maklumat tentang bidang-bidang pengajian, aktiviti mahupun program kemahasiswaan yang terdapat di institusi ini dengan lebih jelas lagi.

Sementara itu, dalam ucapannya, Datu Rosmadi melahirkan rasa bangga dan berpuas diatas penganjuran Semega 2016.

Katanya, program sebegini adalah program pertama yang pernah dihadirinya dan sesuatu



PARA peserta yang menyertai program Selangkah Ke Menara Gading.

yang amat baik kerana memberi pendedahan kepada pelajar sekolah mengenai kehidupan sebenar di universiti.

“Kerjasama erat yang diadakan dengan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan sekolah yang ada di Sabah akan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim,” katanya.

Menurut Timbalan Naib Canselor HEPA UMS Prof Madya Dr Ismail Ali, program itu adalah program tahunan yang dirancang oleh Majlis Perwakilan Pelajar dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar.



PESERTA mendengar ceramah yang diadakan